



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 57  
No. 25

**5hb Disember 2013**

*TAMBAHAN No. 16  
PERUNDANGAN*

---

**M. P.U. 24.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH  
PEMBIAKAN ANJING (MAJLIS PERBANDARAN JASIN) 2013**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**LESEN ANJING**

3. Lesen anjing
4. Permohonan lesen

Undang-  
Undang  
Kecil

5. Pematuhan kepada syarat lesen
6. Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat
7. Kuasa untuk menghendaki maklumat
8. Fi tidak boleh dibayar balik
9. Tempoh lesen
10. Daftar dan pengeluaran lesen
11. Pemakaian kolar anjing dan lencana
12. Lesen gantian
13. Pertukaran pemunyaan anjing berlesen
14. Sekatan yang dikenakan ke atas pemeliharaan anjing
15. Lesen dilarang
16. Anjing yang dikawal

## BAHAGIAN III

## KEBERSIHAN DAN PERLINDUNGAN

17. Kehendak kebersihan berkenaan dengan pemeliharaan anjing
18. Perlindungan terhadap penganiayaan dan tindakan mudarat
19. Anjing berpenyakit
20. Mencegah penyakit anjing gila
21. Kacau ganggu kerana salakan tidak berhenti-henti, pembuangan najis dan selainnya
22. Anjing hendaklah diikat, dsb. dan tidak dibenarkan berkeliaran

## BAHAGIAN IV

## SERANGAN DAN PELUPUSAN

23. Serangan anjing, dsb.
24. Anjing merbahaya
25. Penangkapan atau pembinasaan anjing-anjing yang berkeliaran

## BAHAGIAN V

## LESEN RUMAH PEMBIAKAN

Undang-  
Undang  
Kecil

26. Rumah pembiakan anjing hendaklah dilesenkan
27. Permohonan lesen rumah pembiakan
28. Kebersihan rumah pembiakan

## BAHAGIAN VI

## PENGUATKUASAAN

29. Kuasa masuki dan memeriksa
30. Penyitaan
31. Tuntutan ke atas barang-barang yang disita dan anjing yang ditahan
32. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh dituntut
33. Tiada tanggungan ke atas kehilangan, kerosakan, kecederaan atau kematian

## BAHAGIAN VII

## AM

34. Penalti
35. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING  
(MAJLIS PERBANDARAN JASIN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 73 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Jasin membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**Nama, permulaan, kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Perbandaran Jasin) 2013**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ianya siar dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Perbandaran Jasin.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anjing berlesen” ertinya anjing yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil 4;

“bangunan bertingkat” ertinya mana-mana pangsapuri, kondominium, rumah pangsa, rumah kedai atau mana-mana bangunan yang seumpama dengannya;

“dokter veterinar” ertinya doktor veterinar sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Doktor Veterinar 1974 [*Akta 147*];

“lencana” ertinya lencana seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 10(2)(c);

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Jasin;

“pegawai” ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“pemunya” berhubungan dengan seekor anjing, termasuklah mana-mana orang yang menjaga atau mempunyai kawalan ke atas anjing itu;

“Pegawai Pelesen” ertinya Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“rumah pembiakan anjing” ertinya mana-mana bangunan, pegangan atau premis di mana suatu pengusahaan yang berkaitan dengan pemeliharaan, pembiakan, penyimpanan atau latihan anjing dijalankan bagi maksud-maksud komersial;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin.

## BAHAGIAN II

### LESEN ANJING

#### **Lesen anjing**

3. Tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, menyimpan atau melindungi seseekor anjing yang telah mencapai umur tiga bulan melainkan jika anjing itu dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### **Permohonan lesen**

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat dalam borang berserta dengan sijil Veterinar yang sah daripada doktor Veterinar, apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh memberikan lesen dengan atau tanpa mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan perlu kepadanya.

(3) Majlis boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut semasa permohonan lesen dibuat.

(4) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Majlis.

(5) Apabila permohonan itu diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

- (a) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua serta lain-lain bayaran yang difikirkan patut oleh Majlis; dan
- (b) apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

**Pematuhan kepada syarat lesen**

5. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat dalam perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat**

6. (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa menurut kepentingan awam untuk—

(a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu; dan

(b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.

(2) Pemegang lesen hendaklah diberikan suatu notis bertulis, sebelum Majlis membuat keputusan di bawah perenggan (1).

**Kuasa untuk menghendaki maklumat**

7. Majlis boleh menghendaki pemohon memberikan apa maklumat yang berkaitan sebagaimana Majlis fikirkan perlu bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen atau memperbaharui lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

**Fi tidak boleh dibayar balik**

8. Apa-apa fi yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

**Tempoh lesen**

9. Suatu lesen jika tidak dibatalkan terlebih dahulu, Majlis boleh dalam budibicaranya jika difikirkan wajar, mengeluarkan sesuatu lesen untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun.

**Daftar dan pengeluaran lesen**

10. (1) Pegawai Pelesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan, dalam apa-apa bentuk yang difikirkan patut, apa-apa daftar yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Undang-Undang Kecil ini.

(2) Selepas menerima suatu permohonan untuk lesen dan fi yang dinyatakan, Pegawai Pelesen hendaklah—

- (a) mendaftarkan anjing itu dengan membuat suatu catatan dalam daftar yang menghuraikan butir-butir anjing yang hendak dilesenkan dan nama serta alamat pemunya;
- (b) menguntukkan nombor pendaftaran bagi anjing itu; dan
- (c) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lesen dalam bentuk lencana yang sesuai yang mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor pendaftaran anjing itu atau apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Majlis.

### **Pemakaian kolar anjing dan lencana**

11. Pemunya anjing berlesen hendaklah mengadakan kolar yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu pada setiap masa dan lencana yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil 10 hendaklah dipasang dengan sempurna pada kolar itu mengikut cara yang membolehkan lencana itu dilihat dengan jelas apabila kolar itu dipakai oleh anjing itu.

### **Lesen gantian**

12. Jika suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil 10 telah hilang atau rosak, pemunya anjing yang dilesenkan hendaklah mendapatkan lesen yang lain dan Pegawai Pelesen boleh mengeluarkan lesen gantian untuk menggantikan lesen itu dan membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

### **Pertukaran pemunyaan anjing berlesen**

13. Jika terdapat suatu pertukaran pemunyaan anjing berlesen, pemunya yang baru hendaklah, dalam tempoh satu bulan daripada pertukaran itu, memberitahu Pegawai Pelesen mengenai pertukaran sedemikian dan Pegawai Pelesen hendaklah mencatatkan nama dan alamat pemunya baru itu dalam daftar dengan membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

### **Sekatan yang dikenakan ke atas pemeliharaan anjing**

14. (1) Tanpa menjejaskan Undang-Undang Kecil 3, tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi, menyimpan atau membenarkan dipelihara atau dilindungi mana-mana anjing seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi, menyimpan atau membenarkan dipelihara, disimpan atau dilindungi mana-mana anjing di bangunan bertingkat.

**Lesen dilarang**

15. Majlis melarang sebarang permohonan lesen anjing seperti yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

**Anjing yang dikawal**

16. Majlis boleh meluluskan sesuatu permohonan lesen anjing yang dikawal seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kelima setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka.

**BAHAGIAN III****KEBERSIHAN DAN PERLINDUNGAN****Kehendak kebersihan berkenaan dengan pemeliharaan anjing**

17. (1) Pemunya anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu dan tempat di mana anjing itu dipelihara disenggarakan dalam keadaan bersih pada setiap masa.

(2) Pemunya anjing berlesen hendaklah membuang apa-apa bahan najis anjing itu daripada premisnya dan pembuangan bahan najis sedemikian hendaklah dijalankan mengikut cara atau melalui kaedah yang tidak berkemungkinan menyebabkan kesalahan suatu kacau ganggu kepada orang atau mencemarkan persekitaran.

**Perlindungan terhadap penganiayaan dan tindakan mudarat**

18. (1) Pemunya anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu diberi makan dan disenggarakan dengan sempurna.

(2) Mana-mana orang yang—

- (a) dengan zalimnya memukul, menendang, memperlakukan secara kejam, menyeksa, menyebabkan kemarahan atau menakutkan mana-mana anjing berlesen atau menyebabkan atau membenarkan anjing itu dipergunakan sedemikian atau dengan sewenang-wenangnya atau dengan tidak munasabahnya melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tak perlu kepada anjing itu;
- (b) mengangkut, membawa atau membenarkan mana-mana anjing berlesen itu diangkut atau dibawa mengikut cara atau kedudukan yang menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tak perlu kepada anjing itu;



- (c) menyebabkan, mengakibatkan atau membantu dalam pelagaan mana-mana anjing berlesen; atau
- (d) tanpa apa-apa sebab atau alasan munasabah, memberi atau membenarkan diberi apa-apa ubat atau bahan beracun atau memudaratkan kepada mana-mana anjing berlesen atau dengan sengaja menyebabkan apa-apa ubat atau bahan sedemikian dimakan oleh anjing itu,

maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan penganiayaan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini, seorang pemunya anjing hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan penganiayaan jika dia telah gagal menjalankan penjagaan dan penyeliaan yang munasabah untuk melindungi anjing itu daripada perbuatan-perbuatan yang dinyatakan dalam perenggan (2).

### **Anjing berpenyakit**

19. (1) Sekiranya seekor anjing berlesen berpenyakit, pemunya anjing itu hendaklah dengan segera membawa anjing itu untuk diperiksa dan dirawat oleh seorang doktor veterinar dan anjing itu tidak boleh dibenarkan disimpan di premis pemunyaanya melainkan jika anjing itu telah diperiksa dan dirawat oleh doktor veterinar itu atau walaupun masih dirawat oleh doktor veterinar itu, telah dibenarkan oleh doktor veterinar itu untuk disimpan di premis pemunyaanya.

(2) Jika ternyata kepada Pegawai Pelesen bahawa anjing berlesen mengalami apa-apa penyakit, Pegawai Pelesen boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemunya anjing itu membawa anjingnya untuk diperiksa oleh doktor veterinar dalam suatu tempoh yang dinyatakan di atas perbelanjaan pemunya anjing itu.

(3) Jika mana-mana anjing berlesen telah diperiksa oleh seorang doktor veterinar di bawah perenggan (1) atau (2) dan doktor veterinar itu berpendapat bahawa anjing itu mengalami penyakit yang merbahaya kepada kesihatan dan kebajikan manusia atau haiwan, pemunya anjing sedemikian hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pegawai Pelesen mengenainya, dan Pegawai Pelesen boleh menangkap dan melupuskan anjing itu untuk mencegah merebaknya apa-apa penyakit merbahaya sedemikian.

### **Mencegah penyakit anjing gila**

20. Semua anjing hendaklah disuntik bagi mencegah penyakit anjing gila (Hydrofobia) sama ada oleh Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka atau lain-lain doktor veterinar yang berdaftar.

**Kacau ganggu kerana salakan tidak berhenti-henti, pembuangan najis dan selainnya**

21. (1) Pemunya anjing berlesen hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak menyebabkan apa-apa kacau ganggu, kepada kawasan persekitaran, jiran atau alam sekeliling, khususnya melalui salakan tidak berhenti-henti atau selainnya.

(2) Pemunya anjing berlesen hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak membuang najis atau kencing di tempat awam.

(3) Sekiranya anjing tersebut telah membuang najis, maka pemunya anjing berlesen atau orang yang mengawal anjing pada masa itu hendaklah membersihkan najis tersebut.

**Anjing hendaklah diikat dsb. dan tidak dibenarkan berkeliaran**

22. (1) Pemunya anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu berada di bawah kawalan berkesan seseorang melalui tali ikatan atau rantai pada setiap masa apabila anjing itu dibawa keluar dari premis pemunya.

(2) Pemunya anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu tidak berkeliaran di luar premisnya.

**BAHAGIAN IV****SERANGAN DAN PELUPUSAN****Serangan anjing dsb.**

23. (1) Jika anjing berlesen mengejar, menyerang atau menggigit mana-mana orang, sama ada atau tidak apa-apa kecederaan dilakukan, pemunya anjing itu adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1), pemunya anjing itu adalah bertanggung untuk membayar ganti rugi bagi kecederaan yang dilakukan oleh anjing itu.

(3) Jika apa-apa kecederaan sedemikian telah dilakukan oleh seekor anjing berlesen dan wujudnya suatu keraguan tentang siapa pemunya anjing itu, penghuni mana-mana rumah atau premis yang sering didatangi oleh anjing itu atau seseorang yang biasanya memberi makanan anjing itu atau premis di mana anjing dipelihara atau dibenarkan tinggal atau berada pada masa kecederaan itu hendaklah dianggap sebagai pemunya anjing itu, dan hendaklah bertanggung bagi kecederaan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa dia bukanlah pemunya anjing sedemikian pada masa itu;

Dengan syarat bahawa jika terdapat lebih daripada seorang penghuni dalam mana-mana rumah atau premis yang mempunyai bilik atau tempat tinggal sewaan berasingan atau selainnya, penghuni bahagian tertentu atau premis itu yang di dalamnya anjing itu dipelihara atau dibenarkan untuk tinggal atau berada pada masa kecederaan itu hendaklah dianggap sebagai pemunya anjing itu.

### **Anjing merbahaya**

24. (1) Pegawai Pelesen boleh mengambil maklum akan aduan bahawa seekor anjing berlesen adalah merbahaya dan tidak dipelihara di bawah kawalan sepatutnya.

(2) Jika ternyata kepada Pegawai Pelesen setelah mengambil maklum akan aduan itu bahawa anjing sedemikian adalah merbahaya, Pegawai Pelesen boleh membuat suatu perintah mengarahkan pemunya supaya memelihara anjing itu di bawah kawalan sepatutnya.

(3) Jika seekor anjing berlesen dibuktikan telah menyerang atau mencederakan mana-mana orang, anjing itu boleh dikira sebagai anjing merbahaya.

(4) Dalam Undang-Undang Kecil ini, seekor anjing berlesen disifatkan tidak dipelihara di bawah kawalan sepatutnya dan jika anjing itu tidak disarung mulutnya atau pun diikat dengan tali ikatan atau rantai.

(5) Jika pemunya gagal mematuhi perintah sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Pelesen di bawah perenggan (2) atau jika telah dibuktikan bahawa anjing berlesen itu telah sekali lagi menyerang atau mencederakan mana-mana orang, Pegawai Pelesen boleh memerintahkan supaya anjing itu ditangkap dan dibinasakan, dan tiada pampasan kena dibayar oleh Majlis kepada pemunya kerana pembinasaan itu.

### **Penangkapan atau pembinasaan anjing-anjing yang berkeliaran**

25. (1) Mana-mana anjing yang didapati berkeliaran di tempat awam atau mana-mana anjing yang tidak berlesen dijumpai di dalam mana-mana premis boleh ditangkap oleh Pegawai Pelesen dan ditahan sehinggalah pemunya anjing itu menuntunya dan membayar fi yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(2) Jika mana-mana anjing yang ditangkap mengikut Undang-Undang Kecil ini didapati adalah seekor anjing berlesen melalui lencana yang dipakainya atau dengan lain-lain cara, Pegawai Pelesen hendaklah menyampaikan kepada orang yang nama dan alamatnya telah dicatatkan dalam daftar sebagai pemunya, suatu notis yang menyatakan bahawa anjing itu telah ditangkap dan akan dijual atau dibinasakan jika tidak dituntut dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh notis itu dan membayar fi yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(3) Jika mana-mana anjing yang ditangkap mengikut Undang-Undang Kecil ini

(a) telah ditahan—

(i) selama tujuh (7) hari selepas penangkapannya mengikut perenggan (I); atau

(ii) dalam hal notis yang disampaikan mengikut perenggan (2), selama tujuh (7) hari selepas notis itu disampaikan; dan

(b) tidak dituntut oleh pemunya atau pemunya enggan membayar fi yang dinyatakan, maka Pegawai Pelesen boleh menyebabkan anjing itu dijual, dibinasakan atau dilupuskan.

(4) Pegawai Pelesen boleh menyebabkan seekor anjing yang ditangkap di bawah perenggan (1) dilupuskan sebaik sahaja ia ditangkap jika Pegawai Pelesen berpendapat bahawa anjing itu berada dalam suatu keadaan yang menghendaki anjing itu dilupuskan dengan serta-merta.

(5) Pegawai Pelesen tidaklah bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan kepada pemunya bagi apa-apa kecederaan atau kematian semasa anjing itu ditahan.

## BAHAGIAN V

### LESEN RUMAH PEMBIAKAN

#### **Rumah pembiakan anjing hendaklah dilesenkan**

26. Tiada seorang pun boleh membina atau menggunakan mana-mana bangunan, pegangan atau premis sebagai rumah pembiakan anjing melainkan jika dilesenkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### **Permohonan lesen rumah pembiakan**

27. (1) Suatu permohonan lesen rumah pembiakan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Pemohon dikehendaki mengemukakan kelulusan pelan bangunan dan kebenaran merancang untuk mendirikan rumah pembiakan di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

(3) Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat tambahan demi kepentingan awam.

(4) Bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, Majlis menghendaki pemohon untuk mengemukakan apa-apa maklumat tambahan yang berkaitan sebagaimana difikirkan perlu.

(5) Apabila permohonan lesen itu diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan lesen tertakluk kepada pembayaran yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua.

#### **Kebersihan rumah pembiakan**

28. (1) Lantai bagi rumah pembiakan berlesen hendaklah dilapiskan dengan konkrit atau bahan tidak telap air yang lain yang diluluskan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen hendaklah sentiasa menjaga kebersihan rumah pembiakan berkenaan supaya dapat mencegah kemungkinan terjadinya pencemaran atau kacau ganggu di kawasan persekitarannya.

(3) Tanah atau premis yang bersangkutan dengan sesuatu rumah pembiakan hendaklah dilingkari dengan pagar.

(4) Bekalan air yang secukupnya hendaklah disediakan di rumah pembiakan berlesen itu.

(5) Semua sampah sarap dan najis hendaklah dibuang mengikut cara yang diarahkan oleh Majlis dari masa ke semasa.

(6) Pemegang lesen hendaklah dengan segera memberitahu Pegawai Veterinar Negeri sekiranya terjadi apa-apa wabak penyakit yang luar biasa.

## BAHAGIAN VI

### PENGUATKUASAAN

#### **Kuasa masuk dan memeriksa**

29. (1) Mana-mana Pegawai Pelesen yang diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana tanah atau premis; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan, penyiasatan atau apa-apa peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### **Penyitaan**

30. Mana-mana Pegawai Pelesen yang menjalankan kuasa di bawah Undang-Undang Kecil 29, boleh menyita dan memindahkan apa-apa barang atau menahan mana-mana anjing yang dipercayai mempunyai kaitan atau pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat lesen.

#### **Tuntutan barang-barang yang disita dan anjing yang ditahan**

31. Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa tuntutan ke atas barang yang disita dan anjing yang ditahan di bawah Undang-Undang Kecil 30, boleh menuntut daripada Majlis dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh sitaan dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen dan tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Keenam.

Dengan syarat bahawa sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindah dan disita atau anjing yang ditahan dalam tempoh tujuh (7) hari, Pegawai Pelesen boleh melupuskan barang-barang itu atau anjing itu dengan cara yang difikirkan patut olehnya.

**Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh dituntut**

32. Tiada seseorang pun boleh menuntut apa-apa kos atau gantirugi terhadap tindakan yang dibuat di bawah Undang-Undang Kecil 31.

**Tiada tanggungan ke atas kehilangan, kerosakan, kecederaan atau kematian**

33. Majlis dan pegawai yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggung atas apa-apa kerosakan, kehilangan, kematian atau kecederaan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

## BAHAGIAN VII

## AM

**Penalti**

34. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pembatalan dan peruntukan peralihan**

35. (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Jasin 1983) [*M. P.U. 18/1983*] adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

## JADUAL PERTAMA

[Undang-Undang Kecil 4(4) 12 & 13]

Fi proses lesen	:	RM10.00
Fi gantian lesen	:	RM20.00
Fi pertukaran pemunya	:	RM50.00

## JADUAL KEDUA

[Undang-Undang Kecil 4(5)(a) &amp; 27(5)]

Fi lesen Anjing	:	RM50.00 setahun/seekor
Fi Lesen Anjing yang dimandulkan	:	RM10.00 setahun/seekor
Fi rumah pembiakan	:	RM300.00 setahun

## JADUAL KETIGA

[Undang-Undang 14]

Bil.	Tempat	Bilangan anjing yang dibenarkan
1.	Rumah teres/link lot tepi sahaja	1 ekor anjing dengan syarat mendapat persetujuan daripada jiran kiri dan/atau kanan
2.	Rumah Kembar	2 ekor anjing dengan syarat mendapat persetujuan daripada jiran
3.	Rumah banglo	3 ekor anjing
4.	Kebun/Ladang pertanian	5 hektar : 3 ekor anjing 6-10 hektar : 5 ekor anjing
		Tiap-tiap tambahan 5 hektar : 1 ekor anjing
5.	Kilang/perindustrian	1 ekor anjing
6.	Lain-lain premis/bangunan/ tempat seumpamanya yang tidak dinyatakan dalam Jadual	Tertakluk kepada kelulusan Majlis

## JADUAL KEEMPAT

[Undang-Undang Kecil 15]

Lesen anjing dilarang

Bil.	Jenis Anjing
1.	American Bulldog
2.	Akita

Bil.	Jenis Anjing
3.	Perro De Pastro Mallorquin
4.	American Pit Bull Terrier/American Pit Bull
5.	Canary dog
6.	Kai dog
7.	Fila Brasileiro
8.	Russo-Europaen Laika
9.	Tibetan Mastiff
10.	Dogo Argentino
11.	Tosa Inu/Japanese Tosa
12.	Owtcharka
13.	American Statordshire Rerrier
14.	Staffoerdshine Bull Terrier
15.	Neopolitan Mastiff

## JADUAL KELIMA

[Undang-Undang Kecil 16]

Anjing yang dikawal

Bil.	Jenis Anjing
1.	Dogue De Bordeaux
2.	Tervuren
3.	Rottweller
4.	Miniature Malamute
5.	Groenendael
6.	Alaskan Malamute
7.	Rafeiro Alentejo
8.	Estrela Mountain Dog
9.	German Shepherd Dog
10.	Malinois



## JADUAL KEENAM

[Undang-Undang Kecil 25 &amp; 31]

Fi tahanan anjing : RM30.00 sehari

Fi tahanan barang : RM50.00 sehari

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Jasin  
[MPJ/UP/1400-2/3; PUNM. 700-02/6 Jilid 7]

HAJI MURAD BIN HAJI HUSIN  
*Yang DiPertua*  
*Majlis Perbandaran Jasin*

Disahkan pada 29 Mei 2013  
[MMKN Bil. 25/2013]

MARIAM BINTI ILIAS  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Melaka*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF DOGS AND KENNEL ESTABLISHMENTS  
(JASIN MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2013

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Laws

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

PART II

LICENCING OF DOGS

3. Licensing of dogs
4. Application of licence
5. Compliance of licence conditions
6. Power to impose additional condition, amendmend or to revoked the conditions
7. Power obtain information
8. Fee is not refundable
9. Duration of licence
10. Register and issuance of licence
11. Wearing of dog collar and badge
12. Replacement of licence
13. Change of owership of licensed dog
14. Restrictions imposed on the keeping of dogs
15. License prohibited
16. Controlled dogs

## PART III

## SANITARY AND PROTECTION

## By-Laws

17. Sanitary requirements regarding the keeping of dogs
18. Protection against cruelty and harmful actions
19. Diseased dog
20. Immunisation against rabies
21. Nuisance by incessant barking, defecation and otherwise
22. Dogs to be on leash, *etc.* and not to be straying

## PART IV

## ATTACKS AND DESTRUCTION

23. Dog attacks, *etc.*
24. Dangerous dogs
25. Seizure or destruction of stray dogs

## PART V

## LICENSING OF KENNEL ESTABLISHMENT

26. Kennel establishment to be licensed
27. Application of licence for kennel establishment
28. Cleanliness of kennel establishment

## PART VI

## ENFORCEMENT

29. Power to enter and inspect
30. Seizure
31. Claim of seizure things and detained dog
32. No cost or damages arising from seizure to be recoverable
33. No liability for any loss, damages, injury or death

PART VII

GENERAL

By-Laws

34. Penalty
35. Repeal and transitional provision

SCHEDULE

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF DOGS AND KENNEL ESTABLISHMENTS  
(JASIN MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2013

IN exercise of the powers conferred by sections 73 and 102A of Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Jasin Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

**Citation, commencement and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Licensing of Dogs and Kennel Establishments (Jasin Municipal Council) By-Laws 2013**.

(2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

(3) These By-Laws shall apply only to the area administered by Jasin Municipal Council.

**Interpretation**

2. In these By Laws, unless the context otherwise requires—

“licensed dog” means a dog licensed under By-Laws 4;

“high rise building” means any apartment, condominium, flat, shope house or any other similiar building;

“veterinary surgeon” means a veterinary surgeon as defined in section 2 of the Veterinary Surgeons Act 1974 [*Act 147*];

“badge” means a badge such as prescribed in subparagraph 10(2)(c);

“Council” means the Jasin Municipal Council;

“officer” means any officer authorised in writing by the President;

“owner” in relation to a dog, includes any person having charge of or having control over the dog;

“Licensing Officer” means the President or any officer authorized in writing by the President;

“kennel establishment” means any building, holding or premises where an undertaking pertaining to the keeping, breeding, boarding or training of dogs is carried on for commercial purposes;

“President” means the President of Jasin Municipal Council.

## PART II

## LICENCING OF DOGS

**Licensing of dogs**

3. No person shall own, keep or harbour any dog that has reached the age of three months unless it is licensed under these By-Laws.

**Application of licence**

4. (1) An application for a licence shall be made in form together with Veterinary Certificate from veterinar surgeon, any documents or information as determind by the Council.

(2) The Council may issue the licence with or without any condition as the Council thinks fit.

(3) The Council may direct any applicant to attend in person or in the case of a corporation or firm, by the director, employee or any person authorized by the corporation or firm, at the time of the issuance of the licence.

(4) The applicant shall pay a processing fee as prescribed in the First Schedule upon submission of the application and it is not refundable whether the application is approved or disapproved by the Council.

(5) Upon approval of the application, the Council shall issue a licence subject to—

- (a) payment of any fee as set out in the Second Schedule and any other payment as the Council thinks fit; and
- (b) any condition or restriction as may be imposed by the Council from time to time.

**Compliance of licence conditions**

5. (1) The licensee shall comply any condition imposed by the Council.

(2) It is an offence if the licensee breach any of the condition stated in paragraph (1).

**Power to impose additional conditions, amendment or to revoked the conditions**

6. (1) The Council may, from time to time in the public interest to—

- (a) impose any additional conditions on the licence; and
- (b) change or revoke any conditions imposed on the licence.

(2) The licensee shall be given a notice in writing, before the Council make a decision as stated in paragraph (1).

**Power to obtain information**

7. The council may request the applicant to give any information which is relevant as the Council deems fit for the purpose to consider any licence application or renewal of licence under these By-Laws.

**Fee is not refundable**

8. Any fee paid under these By-Laws is not refundable.

**Duration of licence**

9. Any licence unless sooner cancelled, the Council may if it thinks fit, issued a licence for a period of not exceeding three years.

**Register and issuance of licence**

10. (1) The Licensing Officer shall keep and maintain, in such form as he thinks fit, such registers as he considers necessary for the purposes of these By-Laws.

(2) Upon receipt of an application for a licence and the specified fee, the Licensing Officer shall—

- (a) register the dog by causing an entry to be made in the register which shall set out the particulars of the dog to be licensed and the name and address of its owner;
- (b) allocate for the dog a registration number; and
- (c) issue to the owner of the dog a licence in the form of a suitable badge bearing a serial number corresponding with the registration number allocated to such dog or any other method that the Council may think fit.

**Wearing of dog collar and badge**

11. The owner of a licensed dog shall provide a suitable collar to be worn by the dog at all times and the badge issued under By-Laws 10 shall be securely fastened to the collar in such manner as to be clearly visible when the collar is worn by the dog.

**Replacement of licence**

12. Where a licence issued under By-Laws 10 is lost or damaged, the owner of the licensed dog shall obtain another licence and the Licensing Officer may issue a replacement licence on payment of a fee as prescribed in the First Schedule.

**Change of ownership of licensed dog**

13. Where there has been a change in the ownership of a licensed dog, the new owner shall, within one month thereof, notify the Licensing Officer of such change and the Licensing Officer shall enter the name and address of the new owner in the register upon payment of a fee as prescribed in the First Schedule.

**Restrictions imposed on the keeping of dogs**

14. (1) Without prejudice to By-Law 3, no person shall own, maintain, keep, harbour or allow to be kept, maintained or harboured any dogs as prescribed in the Third Schedule.

(2) No person shall own, maintain, keep, harbour or allow to be kept, maintained or harboured any dog in highrise building.

**License Prohibited**

15. Council prohibits any dog licence application on the dogs as specified in the Fourth Schedule.

**Controlled dogs**

16. The Council may approve an application for dog licence which are controlled dogs as specified in the Fifth Schedule after obtaining written permission from Director of Melaka State Veterinary Service Department.

**PART III****SANITARY AND PROTECTION****Sanitary requirements regarding the keeping of dogs**

17. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog and the place where the dog is kept are maintained in a sanitary condition at all times.

(2) The owner of a licensed dog shall rid his premises of any faecal matter discharged by the dog and such faecal matter shall be disposed of in such manner or by such means as will not be likely to cause nuisance to any persons or pollutes the surroundings.

**Protection against cruelty and harmful actions**

18. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog is properly fed and maintained.



(2) If any person—

- (a) cruelly beat, kick, ill treat, torture, infuriate or terrify any licensed dog or cause or permit the dog to be so used or by wantonly or unreasonably doing or omitting to do any act, causes any unnecessary pain or suffering to the dog;
- (b) convey, carry or allow to conveyed or carried any licensed dog in such manner or position as to cause any unnecessary pain or suffering to the dog;
- (c) cause, procure or assist at the fighting of any licensed dog; or
- (d) without any reasonable cause or excuse, administer or allow to be administered any poisonous or injurious drug or substance to any licensed dog or willfully cause any such drug or substance to be taken by such dog.

such person commits an offence for cruelty under these By-Laws.

(3) For the purpose of these By-Laws, an owner shall be deemed to have permitted cruelty if he failed to exercise reasonable care and supervision in respect of the protection of the dog as prescribed under paragraph (2).

### **Diseased dog**

19. (1) In the event of a licensed dog being diseased, the owner of the dog shall forthwith have the dog examined and treated by a veterinary surgeon and such dog shall not be allowed to be kept in the owner's premises unless the dog has been examined and treated by the veterinary surgeon or is undergoing treatment and has been allowed by the veterinary surgeon to be kept there in.

(2) Where it appears to the Licensing Officer that a licensed dog is suffering from any disease, the Licensing Officer may, by notice in writing, require the owner of such dog to have it examined by a veterinary surgeon within a specified period at the expense of the owner.

(3) Where any licensed dog has been examined by a veterinary surgeon under paragraph (1) or (2) and the veterinary surgeon is of the opinion that the dog is suffering from a disease which is a danger to the health and welfare of humans or animals, the owner of such dog shall immediately inform the Licensing Officer thereof, and the Licensing Officer may cause the dog to be seized and destruction to prevent the outbreak of any such dangerous disease.

### **Immunisation against rabies**

20. All dogs shall be immunized against rabies (Hydrofobia) either by the Officer of Melaka State Veterinary Service Department or any other registered veterinary.

**Nuisance by incessant barking, defecation and otherwise**

21. (1) The owner of a licensed dog shall take all necessary steps to ensure that the dog does not cause any nuisance, to the surrounding, neighbourhood or environment, particularly by incessant barking or otherwise.

(2) The owner of a licensed dog shall take all necessary steps to ensure that the dog does not defecate or urinate in a public place.

(3) If the dog defecate, then the owner of a licensed dog or person in control of the dog at the time shall cleanup the feces.

**Dogs to be on leash, etc. and not to be straying**

22. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that such dog is under the effective control of person by means of a leash or a chain cord at all times whenever the dog is taken out of the owner's premises.

(2) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog does not stray outside his premises.

## PART IV

## ATTACKS AND DESTRUCTION

**Dog attacks, etc.**

23. (1) If a licensed dog chases, attacks or bites any person, whether or not any injury is caused, the owner of the dog is guilty of an offence.

(2) Without prejudice to paragraph (1), the owner of the dog shall be liable in damages for the injury caused by the dog.

(3) Where any such injury has been done by a licensed dog and there exist a doubt as to who is the owner of the dog, the occupier of any house or premises which are often approached by the dog or person who usually give the dog food or premises where the dog was kept or permitted to live or remain at the time of the injury shall be presumed to be the owner of the dog, and shall be liable for the injury unless he proves that he was not the owner of the dog at that time;

Provided that where there are more occupiers than one in any house or premises let in separate apartments or lodgings or otherwise, the occupier of that particular part of the house or premises in which the dog has been kept or permitted to live or remain at the time of the injury shall be presumed to be the owner of the dog.

**Dangerous dogs**

24. (1) The Licensing Officer may take cognizance of a complaint that a licensed dog is dangerous and not kept under proper control.

(2) Where it appears to the Licensing Officer having cognizance of such complaint that such dog is dangerous, the Licensing Officer may make an order directing the owner to keep the dog under proper control.

(3) Where a licensed dog is proven to have attacked or injured any person, it may be dealt as a dangerous dog.

(4) In these By-Laws, a licensed dog is deemed not to be kept under proper control if it is neither muzzled or kept on a leash or chain cord.

(5) Where the owner fails to comply with the order as directed by Licensing Officer under paragraph (2) or where it is proven that the licensed dog has again attacked or injured any person, the Licensing Officer may order for the dog to be seized and destroyed, and no compensation shall be payable to the owner for the destruction of such dog by the Council.

**Seizure or destruction of stray dogs**

25. (1) Any dog found straying in a public place or any unlicensed dog found in any premises may be seized by the Licensing Officer and be detained until the owner claimed it and paid the specified fee in the Sixth Schedule.

(2) Where any dog seized in accordance with these By-Laws is found to be a licensed dog by the badge it wears or other means, the Licensing Officer shall serve on the person whose name and address has been entered in the register as the owner a notice stating that the dog has been seized and is liable to be sold or destroyed if not claimed within seven (7) days after the date of the notice and paid the specified fee in the Sixth Schedule.

(3) Where any dog seized in accordance with these By-Laws.

(a) has been detained—

(i) for seven (7) days after the seizure under paragraph (1); or

(ii) in the case of a notice served in accordance with paragraph (2), for seven (7) days after the notice was served; and

(b) has not been claimed by the owner or the owner refused to pay the specified fee, then the Licensing Officer may cause the dog to be sold, destroyed or otherwise disposed of.

(4) The Licensing Officer may cause a dog seized under paragraph (1) to be destroyed immediately it is seized if the Licensing Officer in his opinion the dog is in such condition that it ought to be destroyed forthwith.

(5) The Licensing Officer shall not be liable to pay any compensation to any owner for any injury or the death of any dog while the dog is detained.

## PART V

## LICENSING OF KENNEL ESTABLISHMENT

**Kennel establishment to be licensed**

26. No person shall construct or use any building, holding or premises as kennel establishment unless licensed by the Council under these By-Laws.

**Application of licence for kennel establishment**

27. (1) An application for a licence kennel establishment shall be made in such form as determined by the Council.

(2) The applicant shall submit an approved building plan and planning permission for the kennel establishment under the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133] and Town and Country Planning Act 1976 [Act 172].

(3) The Council may impose any additional condition in the public interest;

(4) In determining whether to approve an application for a licence under these By-Laws, the Council may direct the applicant to provide any additional condition as it thinks fit.

(5) Upon approval of the licence, the Council shall issue a licence subject to payment as prescribed in the Second Shedule.

**Cleanliness of kennel establishment**

28. (1) The floor of licensed kennel establishment shall be laid with concrete or other impervious material approved by the Council.

(2) The licensee shall keep clean at all times the kennel establishment to prevent any pollution or nuisance within his surrounding area.

(3) The land or premises which related to kennel establishment shall be surrounded by fence.

(4) Adequate water supply shall be provided on the licensed kennel establishment.

(5) All refuse or any faecal matter discharged by the dog shall be disposed of in such manner directed by the Council from time to time.

(6) The licensee shall immediately inform the Veterinary Officer in the event of any abnormal outbreak of disease.

PART VI  
ENFORCEMENT

**Power to enter and inspect**

29. (1) Any licensing Officer may at all reasonable time, for the purpose of ascertaining whether the conditions or restrictions of a licence or the provision of these By-Laws are being complied with—

- (a) enter any land or premises; and
- (b) carry out any inspection, investigation or any provisions under these By-Laws.

**Seizure**

30. Any Licensing Officer in exercising powers under By-Laws 29, may seize and remove any things or detained any dog which he reasonably believes to have a bearing or contravenes any provision of these By-Laws or any conditions of the licence.

**Claim of seizure things and detained dog**

31. Any person having any claims on seizure things and the detained dogs under By-Laws 30 may claim from the Council within seven (7) days from the date seizure and subject to any conditions imposed by the licensing Officer and subject to any payment of fee as prescribed in the Sixth Schedule.

Provided that in the event of there being no claim made to any of the things that have been removed and seized or the detained dog within seven (7) days, the Licensing Officer may dispose of such goods or the dog in such manner as he many thinks fit.

**No cost or damages arising from seizure to be recoverable**

32. No person shall be entitled to any cost or damages of such action made under By-Laws 31.

**No liability for any loss, damage, injury or death**

33. The Council and officers enforcing any provisions of these By-Laws shall not be liable on any damage, loss, injury or death occuring result of such enforcement.

PART VII  
GENERAL

**Penalty**

34. Any person who contravenes any provisions of these By-Laws or conditions or restrictions of the licence commits of an offence and shall, on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding one year or both.

**Repeal and transitional provision**

35. (1) Licensing of Dogs (Central Malacca Municipal Council) By-Laws 1984 [*M. P.U. 1/1984*] is repealed.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall be deemed to be made or issued under these By-Laws and shall continue to remain in force until revoked there under.

## FIRST SCHEDULE

[By-Laws 4(4), 12 &amp; 13]

Processing of licence fee	:	RM10.00
Replacement of licence fee	:	RM20.00
Change of ownership fee	:	RM50.00

## SECOND SCHEDULE

[By-Laws 4(5)(a) &amp; 27(5)]

Dog licence fee	:	RM50.00 per annum/per dog
Sterilized dog licence fee	:	RM10.00 per annum/per dog
Kennel establishment fee	:	RM300.00 per annum

## THIRD SCHEDULE

[By-Laws 14]

No.	Place	The Number of dogs permitted
1.	Terrace houses/links corner lot only	1 dog on the condition that the consent of the neighbours left and/or right
2.	Semi detached house	2 dogs on the condition that the consent of the neighbour
3.	Bungalow house	3 dogs
4.	Farms/agriculture plantations	5 hectares : 3 dogs 6-10 hectares : 5 dogs each conditional 5 hectares : 1 dog
5.	Factory/Industrial	1 dog

---

No.	Place	The Number of dogs permitted
6.	Other premises/building/place that is not specified in the Schedule	Subject to the approval on the Council

## FOURTH SCHEDULE

[By-Laws 15]

## Dog License

1. American Bulldog
2. Akita
3. Perro De Pastro Mallorquin
4. American Pit Bull Terrier/American Pit Bull
5. Canary dog
6. Kai dog
7. Fila Brasileiro
8. Russo-Europaen Laika
9. Tibetan Mastiff
10. Dogo Argentino
11. Tosa Inu/ Japanese Tosa
12. Owtcharka
13. American Statordshire Rerrier
14. Staffoerdshine Bull Terrier
15. Neopolitan Mastiff

## FIFTH SCHEDULE

[By-Laws 16]

## Controlled Dogs

1. Dogue De Bordeaux
2. Tervuren

3. Rottweiler
4. Miniature Malamute
5. Groenendael
6. Alaskan Malamute
7. Rafeiro Alentejo
8. Estrela Mountain Dog
9. German Shepherd Dog
10. Malinois

## SIXTH SCHEDULE

[By-Laws 25 &amp; 30]

Fee for detaining of dog : RM30.00 per day

Fee for detaining of goods : RM50.00 per day

Made by the Jasin Municipal Council  
[MPJ/UP/1400-2/3; PUNM. 700-02/6 Jilid 7]

HAJI MURAD BIN HAJI HUSIN  
*President*  
*Jasin Municipal Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on 29 May 2013  
[MMKN Bil. 25/2013]

MARIAM BINTI ILIAS  
*Secretary,*  
*State Executive Council, Malacca*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA